A **RAPHAEL RAZLI MOHD RASHIDI & SATU LAGI**

lwn.

HANIMAH SAHARI & SATU LAGI

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ROSNAINI SAUB H
[RAYUAN SIVIL NO: MT3-12-26-2002]
23 FEBRUARI 2009

C ***GANTIRUGI:*** *Taksiran - Kehilangan pendapatan masa depan - Potongan 1/3 kerana kontingensi - Sama ada potongan boleh dibuat dalam kes di mana tuntutan gantirugi dibuat oleh plaintif sendiri - Akta Undang-Undang Sivil 1956, s. 28A(2)(d)*

D Ini adalah rayuan perayu-perayu pertama dan kedua masing-masingnya terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') kerana: (i) memerintahkan potongan kontingensi 1/3 ke atas award kehilangan pendapatan masa depan perayu pertama; dan (ii) menolak tuntutan kehilangan pendapatan masa depan (juga tuntutan alternative kehilangan keupayaan mendapat pencarian) perayu kedua
E dan sekaligus mengawardkan kehilangan pendapatan sebenar kepadanya sebanyak RM500. Tidak dinafikan bahawa dalam membuat tolakan 1/3 di atas, HMS menyandarkan keputusannya itu kepada kes *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors & Another Appeal*. Tidak dinafikan juga bahawa, berhubung perayu kedua,
F beliau meraih pendapatan sebanyak RM500 sebulan sebelum kemalangan, telah tidak dapat bekerja selama lapan bulan selepas kemalangan dan telah bekerja semula selepas itu dengan memperoleh pendapatan RM500 sebulan juga. Isu yang berbangkit adalah sama ada, berdasarkan fakta-fakta yang ada, keputusan HMS di atas harus diganggui atau dipertahankan oleh Mahkamah Tinggi.

G **Diputuskan (membenarkan rayuan sebahagiannya):**

(1) HMS khilaf di sisi undang-undang apabila membuat pemotongan kontingensi 1/3 tersebut. Pemotongan untuk kontingensi adalah tidak wajar dibuat di dalam kes di mana
H seorang plaintif itu sendiri yang membuat tuntutan gantirugi kehilangan pendapatannya seperti yang berlaku di sini (*Loh Hee Thuan v. Mohd Zani Abdullah* (diikuti)). (perenggan 4 & 5)

(2) Kes *Takong Tabari* yang menjadi sandaran HMS harus
I dibezakan kerana kes tersebut melibatkan tuntutan "loss of dependency" dan bukannya tuntutan kehilangan pendapatan. Lagi pun, terdapat autoriti yang memutuskan bahawa

s. 28A(2)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang memperuntukkan tentang penilaian kehilangan pendapatan masa depan tidak membenarkan pemotongan untuk kontingensi dan sebagainya dibuat oleh mahkamah (*Ibrahim bin Ismail & Anor v. Hasnah bte Puteh Imat & Anor And Another Appeal* (diikuti)). (perenggan 4)

(3) Keputusan HMS tidak membenarkan tuntutan perayu kedua tidak harus diganggu kerana terdapat keterangan yang mengesahkan bahawa pendapatan perayu kedua sebelum kemalangan adalah RM500 sebulan dan beliau masih mampu bekerja dengan pendapatan yang serupa selepas kemalangan. Namun, HMS khilaf dalam mengawardkan RM500 untuk kehilangan pendapatan sebenar. Jumlah tersebut hanya bersamaan pendapatan perayu kedua untuk sebulan, sedangkan perayu kedua tidak dapat bekerja selama lapan bulan selepas kemalangan. Maka jumlah award tersebut harus digantikan dengan award sebanyak RM4,000. (perenggan 9)

Kes-kes yang dirujuk:

Ibrahim Ismail & Anor v. Hasnah Puteh Imat & Anor and Another Appeal [2004] 1 CLJ 797 CA ***(diikuti)***

Loh Hee Thuan v. Mohd Zani Abdullah [2003] 1 CLJ 410 HC ***(diikuti)***

Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors and Another Appeal [1998] 4 CLJ 589 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Civil Law Act 1956, s. 28A(2)(d)

Bagi pihak perayu - G Naidu; T/n G Naidu & Partners

Bagi pihak responden - Puan Kamini; T/n VP Nathan & Partners

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

PENGHAKIMAN

Rosnaini Saub H:

[1] Perayu-perayu dan responden-responden adalah masing-masing plaintif dan defendan di Mahkamah Sesyen Klang. Perayu-perayu telah membawa tindakan tuntutan kemalangan jalanraya keatas responden-responden. Rayuan perayu-perayu disini adalah berkaitan isu kuantum sahaja.

[2] Secara spesifiknya, rayuan kedua-dua perayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen berkaitan kuantum adalah seperti berikut:

A a. Perayu pertama tidak berpuashati terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang telah membuat potongan kontingensi 1/3 ke atas award kehilangan pendapatan masa depan.

b. Perayu kedua tidak berpuashati terhadap keputusan Hakim
B Mahkamah Sesyen yang menolak tuntutan perayu kedua untuk kehilangan pendapatan, iaitu kehilangan pendapatan masa depan atau alternatifnya kehilangan keupayaan mendapat mata pencarian ('loss of earning capacity'). Hakim Mahkamah Sesyen sebaliknya hanya mengawardkan kehilangan pendapatan sebenar sebanyak RM500 sahaja kepada perayu kedua.

C

[3] Saya telah pun membaca rekod rayuan terutamanya alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen dan telah memberikan pertimbangan sewajarnya kepada hujah peguam kedua-dua pihak.

D **Rayuan Perayu Pertama**

[4] Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat tolakan kontingensi 1/3 kepada award kehilangan pendapatan masa depan yang diberikan kepada perayu pertama berasaskan kepada kes *Takong Tabari v. Government of Sarawak & Ors and Another Appeal* [1998] 4 CLJ 589.
E Walau bagaimana pun didalam kes *Loh Hee Thuan v. Mohd Zani Abdullah* [2003] 1 CLJ 410, Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa pemotongan untuk kontigensi adalah tidak wajar dibuat didalam kes dimana seorang plaintif itu sendiri yang membuat tuntutan gantirugi kehilangan pendapatannya. Kes *Takong Tabari (supra)* telah
F dibezakan kerana kes tersebut melibatkan tuntutan 'loss of dependency' dan bukan tuntutan kehilangan pendapatan. Lagi pun terdapat otoriti terkini yang memutuskan bahawa s. 28A(2)(d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang memperuntukkan tentang penilaian kehilangan pendapatan masa depan, tidak membenarkan pemotongan
G untuk kontigensi dan sebagainya dibuat oleh mahkamah – sila lihat kes *Ibrahim Ismail & Anor v. Hasnah Puteh Imat & Anor and Another Appeal* [2004] 1 CLJ 797 (Mahkamah Rayuan).

[5] Oleh yang sedemikian saya berpendapat bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah tersilap dari segi undang-undang apabila
H membuat pemotongan kontingensi 1/3 tersebut. Rayuan perayu pertama dengan itu harus dibenarkan.

Rayuan Perayu Kedua

[6] Berkaitan rayuan perayu kedua ini adalah dihujahkan oleh
I peguam perayu bahawa perayu kedua (SP2) berpendapatan RM1,000 sebulan sebelum kemalangan dan beliau tidak dapat berkerja selama

lapan bulan selepas kemalangan. Seterusnya peguam perayu berhujah bahawa perayu kedua selepas itu hanya mampu berkerja dengan pendapatan RM500 sebulan. Oleh itu peguam perayu menyatakan terdapat kekurangan pendapatan di pihak perayu kedua dan Hakim Mahkamah Sesyen dengan itu tersilap apabila tidak membenarkan tuntutan untuk kehilangan pendapatan masa depan atau alternatifnya kehilangan keupayaan mendapat pencarian. Selain itu peguam juga menyatakan bahawa perayu kedua sepatutnya berhak mendapat gantirugi kehilangan pendapatan sebenar sebanyak RM1,000 sebulan selama lapan bulan.

[7] Hakim Mahkamah Sesyen bagaimanapun hanya memberikan jumlah RM500 sahaja kepada perayu kedua sebagai gantirugi kehilangan pendapatan sebenar dan menolak tuntutan perayu untuk gantirugi kehilangan pendapatan masa depan dan tuntutan alternatif untuk kehilangan keupayaan mendapat pencarian.

[8] Peguam responden telah menarik perhatian mahkamah kepada keterangan SP3, iaitu pengajar pusat Giat MARA dimana perayu kedua menjalani latihan sebelum beliau mengalami kemalangan. SP3 menyatakan didalam keterangan beliau bahawa perayu kedua memperolehi pendapat sebanyak RM500 sebulan sahaja.

[9] Saya berpendapat bahawa didalam kes ini keputusan Hakim Mahkamah Sesyen untuk tidak membenarkan tuntutan perayu kedua untuk kehilangan pendapatan masa depan dan tuntutan alternatif untuk kehilangan keupayaan mendapat pencarian tidak harus diganggu. Pertamanya, SP3 mengesahkan pendapatan perayu kedua sebelum kemalangan adalah RM500 sebulan. Keduanya, sungguhpun perayu kedua mengalami kecederaan akibat kemalangan, adalah jelas beliau masih boleh berkerja dengan pendapatan yang hampir sama dan dengan itu tiada dibuktikan dengan jelas tentang kehilangan pendapatan masa depan atau kehilangan keupayaan mendapat pencarian di pihak beliau.

[10] Bagaimanapun saya mendapati Hakim Mahkamah Sesyen jelas tersilap apabila hanya mengawardkan jumlah RM500 untuk kehilangan pendapatan sebenar. Jumlah RM500 tersebut hanya bersamaan pendapatan perayu kedua untuk satu bulan sedangkan keterangan menunjukkan perayu kedua tidak dapat berkerja selama lapan bulan selepas kemalangan. Oleh yang sedemikian saya dengan ini mengenepikan award Hakim Mahkamah Sesyen tersebut dan mengantikannya dengan jumlah RM4,000, iaitu RM500 sebulan untuk tempoh lapan bulan dengan kadar faedah seperti yang telah diputuskan oleh hakim tersebut.

A

Kesimpulan

[11] Kesimpulannya, saya dengan ini membenarkan rayuan perayu-perayu seperti yang dinyatakan disini. Kos kepada perayu-perayu dan deposit rayuan dipulangkan kepada perayu-perayu.

B

C

D

E

F

G

H

I